

Dewan Bandaraya **BERITA**

KUALA LUMPUR
MAC-APR 1987

Kompleks Letak Kereta Bawah Tanah

Buat pertama kalinya, Malaysia akan mempunyai sebuah kompleks letak kereta bawah tanah yang besar seperti di Hyde Park, London apabila siapnya projek usahasama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL dan Syarikat Diary-Maid Sdn. Bhd. sedikit masa lagi.

Menteri Wilayah Persekutuan, YB. Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar menyatakan perkara ini di Majlis Perasmian Projek Usahasama Letak Kereta Bawah Tanah di padang Sekolah St. John, Jalan Raja Chulan, pada 10 Mac.

Beliau berkata, projek bernilai \$18 juta dan meliputi kawasan padang seluas 93,000 kaki persegi ini akan mengandungi tiga tingkat tempat letak kereta yang dapat menampung sebanyak 1,000 buah kereta. Ianya juga akan dilengkapi dengan alat-alat keselamatan yang termodern seperti sistem pencegah kebakaran yang terbaru dan auto-

matik, pintu-pintu kecemasan yang mencukupi untuk memudahkan orang ramai melepaskan diri semasa kebakaran, alat-alat pengesanan jenayah yang terbaru dan sistem pengawalan paras air untuk mengelakkan banjir.

"Projek yang akan siap dalam tempoh dua setengah tahun ini bertujuan memberikan kemudahan letak kereta yang lebih banyak di pusat-pusat bandar khususnya di sekitar Jalan Tun Perak, Jalan Raja Chulan, Jalan Bukit Nanas, Ibu Pejabat Malayan Banking dan kawasan-kawasan sekitarnya di samping mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan-kawasan tersebut. Kini walaupun sebanyak 15,000 tempat letak kereta, termasuk 1,100 petak atas jalan telah dibina di sepanjang tahun 1986, namun ianya masih belum mencukupi" kata beliau.

"Dalam melaksanakan projek ini, kerajaan hanya memberikan hak



Menteri Wilayah Persekutuan merasmikan Projek Usahasama Letak Kereta Bawah Tanah.

kegunaan tanah sahaja sedangkan kos perlaksanaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju dan mereka akan diberikan hak operasi bagi kawasan letak kereta ini untuk tempoh 30 tahun dengan kadar bayaran sebanyak \$500,000 apabila projek ini siap kelak. Hasilnya akan dikongsi bersama dengan DBKL mengikut peratusan yang akan dikaji semula bagi setiap tiga tahun. Setelah tamat tempoh perjanjian itu, bangunan letak kereta ini akan menjadi milik kerajaan sepenuhnya," tambah beliau.

Akhirnya beliau berkata, perlaksanaan projek letak kereta bawah tanah ini tidak akan menjaskan keindahan kawasan tersebut kerana ianya dibina di bawah paras padang. Malah pihak pemaju akan menanam pokok-pokok di sekitar kawasan berkenaan dan membina sebuah kompleks sukan yang terdiri daripada tiga gelanggang skuasy dan



Model Kompleks Letak Kereta Bawah Tanah.

Lihat muka 3

EDITORIAL

Penasihat

Encik Abu Bakar Effendie

Editor

Encik Jamaluddin Alias

Penolong Editor

Encik Mohd. Hashim Mohd. Ali

Pemberita

Encik Wan Abdullah Wan Abdul Ghani
Cik Nik Suzana Nik Shafiq
(Pelatih ITM)

Rekaletak

Encik Che' Azmi Haji Ismail

Jurufoto

Encik Mubarok Mohd. Atan

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan kartun mengenai aktiviti Jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam risalah Berita Dewan Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada Encik Jamaluddin Alias dan Encik Wan Abdullah Wan Ghani telefon 2922722 atau ditulis kepada:

Editor

Berita Dewan Bandaraya
Jabatan Hal Ehwal Awam
Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Berita Dewan Bandaraya tidak semestinya pendapat resmi pentadbiran Dewan Bandaraya.

Kempen Kebersihan 1986

Direktorat Pengawatkuasaan DBKL mengeluarkan sebanyak 1,593 notis kesalahan kepada orang ramai, pemilik-pemilik gerai dan pengusaha-pengusahanya kedai makan kerana melakukan berbagai kesalahan sepanjang tempoh Kempen Kebersihan yang dijalankan dalam tahun 1986.

"Kempen kebersihan secara berperingkat ini bermula sejak tahun 1984 bertujuan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya permai di samping menanamkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam mempertingkatkan lagi perkhidmatan pembersihan dan pengindahan di sekitar pusat bandar, taman rekreasi, kompleks membeli belah dan tempat-tempat tumpuan awam," kata Timbalan Pengarah Direktorat Pengawatkuasaan, Encik Safar Haji Awang, dalam satu sidang akbar di pejabatnya pada 27 Mac yang lalu.

Pengotoran berlaku akibat kekurangan kesedaran sivik dan kegagalan mematuhi peraturan kebersihan di kalangan para peniaga dan orang ramai seperti membauh



En. Safar Haji Awang.

pinggan mangkuk di kaki lima dan lorong belakang, membuang sampah sarap dan sisa makanan ke dalam longkang, membuang sampah sesuka hati, kurang menggunakan karung plastik dan penyambungan gerai tanpa kelulusan" tambah beliau.

Beliau berkata pada keseluruhannya kebersihan tapak penjaja dan taman-taman rekreasi masih belum boleh dibanggakan selagi sebilangan orang ramai masih bersikap tidak memberi kerjasama, tidak mahu mengubah tabiat dan mementingkan diri sendiri ■

Penswastaan Perkhidmatan Pembersihan

Dalam meneruskan usaha menswastakan beberapa bahagian perkhidmatannya, DBKL pada tahun ini memberikan sebanyak 27 kontrak kerja-kerja pembersihan kepada syarikat-syarikat swasta.

Kontrak-kontrak yang bernilai \$10.9 juta itu meliputi perkhidmatan perkhidmatan pungutan sampah (\$5.40 juta), pemotongan rumput (\$3.84 juta), pungutan najis (\$347 ribu) dan bekalan pasir untuk menutup tempat-tempat pembuangan sampah (\$1.66 juta).

"Penswastaan perkhidmatan pembersihan telah dijalankan sejak awal tahun 70an lagi untuk menjimatkan kos operasi di samping

mengkalkan prestasi perkhidmatan DBKL", kata Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar, Tuan Haji Abdul Ghani Mohd. Rais, dalam satu pertemuan dengan Berita Dewan Bandaraya baru-baru ini.

Kata beliau, sektor swasta dapat menjalankan operasi dengan kos yang rendah kerana motif keuntungan boleh membawa kepada peningkatan produktiviti.

Tuan Haji Abdul Ghani juga berkata kejayaan dasar penswastaan dalam perkhidmatan pembersihan bergantung kepada beberapa aspek seperti di mana, bila dan bagaimana sampah sarap dilupuskan ■

Tapak Penjaja Paling Bersih

Timbalan Ketua Pengarah I, Tuan Haji Noordin Abdul Razak meletakkan papan tanda Kawasan Penjaja Paling Bersih Wilayah Persekutuan Tahun 1987 di tapak

penjaja Jalan Thamby Abdullah Off Jalan Tun Sambanthan pada 13 Mac.

Kawasan tersebut merupakan salah satu dari tiga kawasan penjaja



Tuan Hj Nordin (membongkok) sedang menanamkan papan tanda di tapak penjaja Jalan Thamby Abdullah.

yang memenangi kawasan penjaja paling bersih dalam Kempen Kebersihan ini di Jabatan Pengurusan Penjaja sempena Hari Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Selain itu, Tuan Haji Noordin meletakkan papan tanda Kawasan Penjaja Paling Bersih di tapak penjaja Medan Mara Jalan Raja Laut.

Bangunan Arab Development Bank, Jalan Raja Chulan memenangi kategori kawasan penjaja paling bersih dalam bangunan swasta.

Tuan Haji Noordin juga meluluskan peruntukan \$10,000 untuk mengindahkan kawasan penjaja Jalan Thamby Abdullah dan menjadi galakan kepada tapak-tapak penjaja lain untuk meningkatkan lagi kebersihan di sekitar gerai mereka. ■

Usaha Kurangkan Kesesakan


Dalam usaha mengurangkan kesesakan dan melicinkan perjalanan lalulintas, DBKL dengan kerjasama Polis Trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan mengadakan satu operasi pengawalaan ke atas kenderaan-kenderaan persendirian yang diletakkan di perhentian bas

dan teksi di sekitar Kuala Lumpur pada 6 Mac lalu.

Operasi bersama ini bertujuan menyedarkan orang ramai khususnya pemilik-pemilik kenderaan persendirian bahawa pihak kerajaan menyediakan tempat perhentian tersebut untuk memudahkan bas dan teksi mengambil dan menurunkan penumpang di situ.

Selain itu, perbuatan meletakkan kenderaan di kawasan ini akan mendatangkan masalah kepada pemandu-pemandu bas atau teksi dan ini menyebabkan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut.

Dalam operasi ini sebanyak tiga buah kereta telah didenda di tempat perhentian teksi di hadapan Hotel Federal dan dua buah kereta lagi didenda di tempat perhentian bas dan teksi di Jalan Bandar. Denda yang dikenakan ialah tidak melebihi daripada \$100. ■



Pegawai Polis Trafik menyaman tuan punya kenderaan yang diletakkan di perhentian bas.

dari muka 1

badminton yang berharga sebanyak \$750,000 daripada pihak pemaju.

Sehubungan dengan itu juga, sebuah bangunan lima tingkat yang mengandungi ruang pejabat, lot-lot kedai dan kelab juga akan dibina bersebelahan dengan tempat letak kereta ini dan akan dimajukan serentak sebagai projek bersepudu untuk menambahkan satu lagi pusat rekreasi di ibu kota. ■

"Berkerjalah untuk mencari keduniaanmu, seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya dan bekerja untuk akhiratmu, seolah-olah engkau akan mati besuk pagi" — HR Ibnu' Asaakir.